

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** meminta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai kakitangan kerajaan ditangkap dan dituduh bagi kesalahan yang melibatkan rasuah daripada tahun 2015 sehingga sekarang dan bagaimana Kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN****YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penjawat awam bagi tahun 2015 sehingga September 2021 adalah sebanyak 30,679. Daripada jumlah tersebut sebanyak 3,357 Kertas Siasatan telah dibuka. Berdasarkan kepada jumlah KS yang telah dibuka sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 3,056 tangkapan telah dilakukan, 1,159 pertuduhan telah di buat di Mahkamah dan 567 telah disabitkan di Mahkamah. Pecahan statistik adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>MAKLUMAT</b>	<b>KERTAS SIASATAN</b>	<b>TANGKAPAN</b>	<b>PERTUDUHAN</b>	<b>SABITAN</b>
<b>2015</b>	<b>3737</b>	<b>470</b>	<b>398</b>	<b>91</b>	<b>55</b>
<b>2016</b>	<b>4273</b>	<b>527</b>	<b>466</b>	<b>117</b>	<b>59</b>
<b>2017</b>	<b>4839</b>	<b>490</b>	<b>409</b>	<b>179</b>	<b>85</b>
<b>2018</b>	<b>5078</b>	<b>454</b>	<b>418</b>	<b>140</b>	<b>95</b>
<b>2019</b>	<b>4898</b>	<b>547</b>	<b>525</b>	<b>168</b>	<b>83</b>
<b>2020</b>	<b>4516</b>	<b>444</b>	<b>467</b>	<b>256</b>	<b>91</b>
<b>2021</b>	<b>3338</b>	<b>425</b>	<b>373</b>	<b>208</b>	<b>99</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>30679</b>	<b>3357</b>	<b>3056</b>	<b>1159</b>	<b>567</b>

Bagi menangani permasalahan ini, kerajaan melalui Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dibawah enam bidang keutamaan telah memfokuskan kepada pentadbiran sektor awam melalui strategi 'Memperkukuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam'

dengan 26 inisiatif yang diterajui oleh pelbagai agensi. SPRM turut menerajui tiga inisiatif dibawah bidang keutamaan ini seperti berikut:

Bil.	Nombor Inisiatif	Pernyataan Inisiatif	Agensi Peneraju	Tempoh Pelaksanaan
1	2.1.5	Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) dan Institut Integriti Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</b></li> <li>ii. Jabatan Perdana Menteri (JPM)</li> <li>iii. Institut Integriti Malaysia</li> <li>iv. Kementerian / Jabatan / Agensi / Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan</li> </ul>	Tempoh 3 tahun (Jan 2021 – Dis 2023)
2	2.4.10	Menyebarkan mesej berkenaan antirasuah dalam konteks hubungan antara insan melalui penglibatan pelbagai agensi agama dan badan bukan kerajaan NGO secara berterusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</b></li> <li>ii. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)</li> <li>iii. Organisasi agama</li> </ul>	Tempoh 3 tahun (Jan 2021-Dis 2023)

3	*2.4.14	<p>Memperkukuhkan elemen tadbir urus insan, integriti dan antirasuah dalam program pembangunan profesional berterusan yang dilaksanakan oleh <b>Agensi Kawal Selia</b> kepada Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan pihak swasta</p> <p><i>*Nota: Inisiatif asal 2.4.14 digabungkan bersama inisiatif 6.2.2 sebagai Inisiatif baharu 2.4.14</i></p>	<p>i. <b>Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) (K)</b></p> <p>ii. Agensi Kawal Selia yang Berkaitan dan Badan-Badan Profesional</p> <p>iii. Institut Integriti Malaysia</p> <p>iv. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</p> <p>v. Suruhanjaya Sekuriti (SC)</p>	<p>Tempoh 3 tahun (Jan 2021-Dis 2023)</p>
---	---------	---	--	---

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD AZIS BIN JAMMAN [SEPANGGAR]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan di Sabah yang tidak dapat disiapkan di bawah RMK-1 hingga RMK-10, peruntukan yang disediakan kepada Sabah bagi setiap rancangan tersebut dan jumlah sebenar yang digunakan.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan prihatin kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara, termasuk Sabah. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek pembangunan yang diluluskan adalah berserta jumlah kos keseluruhan projek. Jumlah kos ini adalah termasuk kerja-kerja awalan seperti perolehan tanah bagi projek fizikal binaan sehingga projek siap dan boleh berfungsi dengan sempurna. Ini adalah janji dan komitmen Kerajaan bagi menyiapkan projek-projek yang diluluskan untuk manfaat rakyat. Sehubungan itu, prestasi pelaksanaan fizikal akan sentiasa dipantau dan perbelanjaan

**NO. SOALAN : 28**

sebenar akan diambil kira dalam memberi pertimbangan ke atas permohonan peruntukan pada tahun berikutnya.

3. Bagi projek pembangunan yang tidak dapat disiapkan sehingga akhir tempoh Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) semasa, projek akan diteruskan pelaksanaannya pada RMLT berikutnya. Sebagai contoh, berdasarkan rekod, sebanyak 20 projek di Sabah tidak dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Namun projek ini terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) sehingga projek siap. Terdapat juga projek yang diluluskan di akhir tempoh rancangan akan melangkaui lebih dari satu rancangan seperti projek Lebuhraya Pan-Borneo yang dimulakan pada tahun 2015 iaitu pada akhir RMKe-10 dan kini masih lagi dalam fasa pembinaan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM72.4 bilion di negeri Sabah dalam tempoh sepuluh Rancangan Malaysia iaitu mulai tahun 1966 hingga 2015. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM61,64 bilion telah dibelanjakan untuk projek pembangunan di Sabah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>RMK</b>	<b>Tahun</b>	<b>Peruntukan Asal (RM juta)</b>	<b>Peruntukan Dipinda (RM juta)</b>	<b>Belanja (RM juta)</b>
1	Pertama	1966 - 1970	374	390	359
2	Kedua	1971 - 1975	774	1,088	903
3	Ketiga	1976 - 1980	1,452	2,799	1,959
4	Keempat	1981 - 1985	1,846	2,585	2,580
5	Kelima	1986 - 1990	2,670	2,253	2,083
6	Keenam	1991 - 1995	2,307	2,595	2,549
7	Ketujuh	1996 - 2000	4,496	6,970	6,933
8	Kelapan	2000 - 2005	7,990	13,180	13,180
9	Kesembilan	2006 - 2010	15,990	20,177	14,457
10	Kesepuluh	2011 - 2015	20,609	20,345	16,641
<b>JUMLAH</b>			<b>58,508</b>	<b>72,382</b>	<b>61,644</b>

Sekian, terima kasih.